

Dunia Ketiga perlu muafakat

STH 6 MAY 1966

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan perlunya negara-negara Dunia Ketiga meningkatkan kerjasama dua hala antara mereka untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi, politik dan sosial yang dihadapi sekarang.

Katanya, selagi negara-negara Dunia Ketiga tidak bekerjasama serta bantu membantu antara satu sama lain, selagi itulah sukar bagi mereka mendapat layanan yang adil daripada negara-negara Utara atau dikenali juga dengan negara maju.

Persidangan pertama Selatan-Selatan diadakan di Beijing tiga tahun lalu. Selatan-Selatan dirujuk kepada negara-negara membangun dan mundur yang juga dikenali sebagai negara Dunia Ketiga.

"Hanya melalui kerjasama dua hala dan serantau, masalah yang dihadapi

Oleh NAZAR ABDUL

oleh negara-negara Selatan dapat diatasi secara berkesan dan praktikal", kata Perdana Menteri dalam ucapan dasarnya di Persidangan Kedua Selatan-Selatan di sini pagi ini.

Beliau berkata, jika negara-negara Selatan ingin mendapatkan hasil yang paling baik dan berkesan daripada pelbagai usaha muafakat, mereka perlulah kuat dan bersatu.

"Bagaimanapun perkara ini agak sukar dilakukan kerana negara-negara Selatan mempunyai terlalu banyak perbezaan di segi kepentingan antara satu sama lain, sehingga tidak dapat bersatu sepenuhnya", katanya.

Serantau

Beliau berpendapat langkah yang baik ialah mengadakan kerjasama dua hala atau serantau.

"Sebarang hubungan kerjasama antara negara-negara Selatan akan mewujudkan kekuatan bagi mereka. Begitu juga, jika pergaduhan berlaku di kalangan mereka ia akan memudahkan pihak luar menjalankan pelbagai tindak-tanduk yang merugikan negara-negara itu sendiri", tegasnya.

Menurutnya, sejak kebelakangan ini banyak negara Selatan memberi tumpuan khas untuk meningkatkan kerjasama dua hala di kalangan mereka dan dalam hal ini Malaysia juga tidak ketinggalan.

Bellau berkata, Malaysia juga menumpukan usaha-usahanya ke arah mengeratkan kerjasama dengan negara-negara Asean dan negara-negara lain di kawasan Asia dan Pasifik.

"Kita juga sedang berusaha memperluas bidang kerjasama dengan beberapa negara Afrika", katanya.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan Universiti Islam Antarabangsa adalah salah satu contoh kerjasama di bidang pelajaran yang dapat mengurangkan pengaliran wang negara-negara Selatan ke Utara bagi mendapatkan ilmu pengetahuan.

"Ada banyak lagi bidang yang boleh membantu kita mengurangkan pergantungan kepada negara-negara kaya di samping dapat menjimatkan wang daripada mengalir ke negara-negara Utara", tegasnya.

Tekanan

Perdana Menteri menegaskan kerjasama Selatan-selatan juga akan membolehkan negara-negara membangun mengurangkan kesan tekanan daripada tindakan dan keputusan beberapa negara kaya di Utara.

"Ia juga akan membolehkan kita menggunakan sepenuhnya peluang yang ada untuk sama-sama berdikari serta bekerja bagi mewujudkan kehidupan dunia yang lebih baik", tegasnya.

Katanya, Utara bukanlah musuh negara-negara Selatan, kerana negara-negara Selatan tetap bekerjasama dengan Utara untuk membina satu dunia yang aman dan makmur.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kesejahteraan dan kemakmuran Selatan juga akan membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran Utara kerana semua negara saling bergantung antara satu sama lain untuk mencapai kemakmuran.

Bellau berkata, pada masa ini banyak negara Selatan mengalami masalah kelembapan ekonomi berikutan kejatuhan harga barangan utama seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit yang diluar kawalan negara-negara itu.

Katanya, sungguhpun banyak negara Selatan sudah merdeka dan sedang membangun, tetapi mereka belum merdeka di bidang ekonomi, kerana ia masih dikuasai oleh negara-negara Utara.